

Politik matang asas kelangsungan Kerajaan Perpaduan

- Sekiranya semangat Konvensyen Nasional dapat dipertahankan, tidak mustahil Malaysia menjadi negara lebih mantap dan berdaya saing pada peringkat global pada masa hadapan



Oleh Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani
bhrencana@bh.com.my

Profesor
di Pusat Pengajian
Antarabangsa,
Universiti Utara
Malaysia

Berakhirnya Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan pada 14 Mei lalu, ada pihak mula membandingkan apa kekuatan konvensyen itu dengan Himpunan Penyatuan Ummah pada 14 September 2019 yang mencetuskan Muafakat Nasional (MN) antara UMNO dan PAS.

Berpeluang menghadiri kedua-dua perhimpunan politik bersejarah ini, penilaian awal setakat ini ialah impak Konvensyen Nasional ini dilihat lebih besar secara holistik berbanding Himpunan Muafakat Nasional.

Pertamanya, MN hanya memabitkan dua parti utama orang Melayu. Ketika Himpunan MN diadakan, saya melihat pemimpin UMNO pada masa itu agak kekok berhadapan dengan ramai pemimpin dan penyokong PAS menghadiri program itu.

Tindakan UMNO bekerjasama dengan PAS dilihat merugikan UMNO khususnya dalam konteks negara berdemokrasi. Ini kerana PAS menggunakan kerjasama dengan UMNO untuk membina kekuatan politik, termasuk dari segi kewangan untuk menjadi parti dominan di Malaysia.

Meskipun rasional UMNO bekerjasama dengan PAS kerana sebagai parti pembangkang perlu bersatu menghadapi Pakatan Harapan (PH) yang menguasai kerajaan ketika itu, namun ini jelas apabila Perikatan Nasional (PN) ditubuhkan, PAS terus menyertainya dan meninggalkan agenda MN dibina lebih awal dengan UMNO untuk bekerjasama dengan BERSATU.

Perancangan PAS bersama BERSATU ini dilihat berjaya apabila menguasai 74 kerusi Parlimen pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Hampir semua kerusi dimenangi PN adalah kerusi sebelum ini dikuasai UMNO. Malah UMNO juga berpecah apabila sebahagian kecil pemimpinnya lebih cenderung bersama PN.

Keduanya, Konvensyen Nasional agak berlainan sifatnya, iaitu lebih bercorak nasional memabitkan empat gabungan parti iaitu PH, Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) yang mana mencakupi 19 parti keseluruhan membentuk Kerajaan Perpaduan.

Semua pemimpin 19 parti termasuklah dari Sabah dan Sarawak hadir dan meraikan kerjasama di dalam Kerajaan Perpaduan. Yang menarik, kebanyakan parti ini sebelum ini bermusuhan, namun mereka boleh bernesra dengan baik ketika konvensyen diadakan.

Malah dalam ucapan, ada berpantun menyatakan 'dulu lawan, kini kawan'. Konvensyen Nasional ini sebenarnya adalah hampir sama dengan apa yang berlaku 1 Januari 1973 ketika BN ditubuhkan menggabungkan 11 parti. Pada satu ketika, BN pernah mempunyai 14 parti gabungan.

Penubuhan BN pada 1973 adalah cetusan idea Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein selepas Malaysia ketika itu menghadapi krisis politik rusuhan kaum dan darurat diisytiharkan pada 1969, selepas berlangsungnya PRU3.

- Isyarat cuba dibawa melalui Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan ialah Malaysia negara stabil dari segi politik dan sosioekonomi, memberi gambaran kerajaan terbina hari ini kuat dan utuh menghadapi cabaran mendatang

Ketika itu juga berlaku krisis politik selepas parti Perikatan ketika itu menang kerusi dengan majoriti mudah, namun gagal mendapatkan sokongan undi popular dikuasai pembangkang ketika itu termasuklah DAP, GERAKAN, Parti Progresif Rakyat (PPP) dan PAS.

Namun, ketika BN dibentuk, GERAKAN dan PAS menyertai gabungan itu. Krisis ekonomi juga wujud yang mana orang Melayu bangkit menuntut kehidupan mereka lebih baik seterusnya mencetuskan idea penubuhan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertunjangkan serampang dua mata; penyusunan semula masyarakat dan membasmi kemiskinan.

Apa yang menarik ialah krisis pada 1969 hampir sama dengan pada 2022. Malaysia menghadapi krisis politik yang mana sejak PRU14 pada 2018 menyaksikan Malaysia bertukar Perdana Menteri sebanyak tiga kali.

Malaysia turut berhadapan dengan krisis ekonomi menyebabkan ramai hilang pekerjaan dan ekonomi negara menguncup akibat darurat kesihatan pada 2021 kesan daripada penularan COVID-19. Cuma berbeza antara 1973 dan 2022 ialah suasana masa kini memabitkan krisis kesihatan global yang tidak berlaku pada masa lalu.

Kesepaduan Konvensyen Nasional

Sebenarnya pemilihan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Ke-10 memperlihatkan kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mencetuskan idea Kerajaan Perpaduan dan melihat Anwar mampu mengetuai dan menyatupadukan pemimpin politik serta rakyat, seterusnya mewujudkan kestabilan politik.

Hari ini, dapat dilihat ada kejayaan tercapai meskipun baru enam bulan Kerajaan Perpaduan

terbina. Seperti yang berlaku dalam Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan, tiada sesiapa boleh menyangka Anwar mampu menyatukan pelbagai kaum daripada pelbagai parti untuk saling bekerjasama memenuhi aspirasi dasar Malaysia MADANI lantas memperkukuhkan Kerajaan Perpaduan.

Sekiranya semangat Konvensyen Nasional dapat dipertahankan, tidak mustahil Malaysia akan menjadi negara lebih mantap dan berdaya saing pada peringkat global pada masa hadapan.

Dari segi ekonomi juga Malaysia dalam keadaan semakin bertambah baik mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus pada suku pertama 2023, lebih baik berbanding pertumbuhan negara serantau seperti Indonesia (5.0 peratus), China (4.5 peratus) dan Vietnam (3.3 peratus).

Malah inflasi juga jatuh ke paras 3.4 peratus berbanding 3.8 peratus pada tahun lalu. Kesepaduan pada Konvensyen Nasional juga ditunjukkan kepada negara luar yang mana Malaysia stabil dan pelabur semakin yakin dengan kepemimpinan negara diketuai Anwar.

Jelas, isyarat cuba dibawa menerusi Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan ialah Malaysia adalah negara stabil dari segi politik dan sosioekonominya, memberi gambaran Kerajaan Perpaduan terbina ini kuat dan utuh menghadapi cabaran mendatang.

Kematangan perwakilan, pemimpin dan penyokong Kerajaan Perpaduan yang hadir di Dewan Merdeka juga amat terserlah. Politik matang dibawa dengan mengetepikan sentimen agama dan perkauman sempit akan menjelaskan masanya pemerintah Malaysia perlu bergerak secara progresif dan moderat serta bekerja untuk rakyat serta meneruskan agenda Malaysia lebih besar pada peringkat global.

